

15-4-2026

Lebih RM800 Juta Diperuntuk Bagi Projek Bekalan Air Di Pulau Pinang



GEORGE TOWN, 15 April (Bernama) -- Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sedang giat melaksanakan beberapa projek bekalan air utama di Pulau Pinang dengan kos keseluruhan melebihi RM800 juta bagi memperkukuh jaminan bekalan air negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Datuk K. Pathmanathan berkata sebanyak lima projek sedang dan akan dilaksana melibatkan pembinaan infrastruktur baharu serta kajian sumber air mentah dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM837.5 juta.

"Antara projek utama ialah pembinaan baraj baharu di Sungai Muda di Rantau Panjang, Seberang Perai Utara (SPU) bernilai RM175 juta yang dijangka siap pada 2027 dan ia akan menggantikan struktur lama sejak 1973 bagi menghalang kemasukan air laut ke hulu sungai serta meningkatkan kecekapan pengambilan air mentah.

"Selain itu, projek akhir Pelan Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) bernilai RM214 juta dijangka siap pada 2028 melibatkan pembinaan Rumah Pam Air Mentah Lahar Yooi berkapasiti 440 juta liter sehari (JLH) dan pemasangan saluran paip aliran dua hala 400 JLH ke Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata melalui komponen itu, kapasiti pelepasan maksimum EMD akan ditingkatkan daripada 600 JLH kepada 1,000 JLH semasa musim kering atau situasi kecemasan, sekali gus mengoptimumkan peranannya sebagai sumber air sandaran kepada Sungai Muda.

Pathmanathan berkata selain itu ialah projek sumber air mentah di Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan (SPS) melibatkan cadangan pembesaran Empangan Bukit Panchor serta pembinaan skim takungan air pinggir sungai (TAPS) dianggarkan bernilai RM419 juta dengan tarikh pelaksanaannya akan ditentukan selepas kajian kebolehlaksanaan yang dijangka selesai pada tahun ini.

Beliau berkata kerja-kerja menaik taraf muka sauk air di Titi Kerawang dan Teluk Awak di Teluk Bahang turut dilaksanakan dengan kos RM26.5 juta dan dijangka siap pada 2029, termasuk pemasangan saluran paip baharu ke Empangan Teluk Bahang bagi mempercepatkan proses pengisian semula ketika musim hujan.

"Selain itu, kajian komprehensif sumber air mentah bernilai RM3 juta juga akan dilaksanakan sebagai rujukan bagi pembangunan projek bekalan air masa hadapan di negeri berkenaan dan kesemua pelaksanaan projek tersebut akan membantu mengurangkan risiko gangguan bekalan air di seluruh Pulau Pinang, khususnya sekiranya berlaku sebarang insiden melibatkan Sungai Muda," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata projek-projek itu adalah pelengkap kepada Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) bernilai RM2.1 bilion dan projek bekalan air antara Perak-Pulau Pinang yang sedang dirancang.

Katanya PBAPP turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas komitmen berterusan dalam memperkukuh infrastruktur air negeri itu dan sokongan berterusan terhadap semua projek amat penting memandangkan Pulau Pinang berdepan tekanan sumber air terhad namun mempunyai potensi pembangunan sosioekonomi yang tinggi.